

PENGAJARAN DARIPADA
AL-INFITHAR



USTAZ MUSTAZAH BAHARI

Pengenalan

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Yang mencipta alam dengan sifat-sifat-Nya yang sempurna.

Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad s.a.w yang membawa Rahmah ke seluruh alam.

Syukur kepada Allah s.w.t yang memberi nikmat peluang untuk memberi sokongan dan khidmat kepada Darul Tafsir, Masjid Alkhair bagi menjayakan projek penghasilan bahan-bahan tafsir dan tadabbur al-Quran.

Seterusnya ucapan terima kasih kepada kepimpinan Masjid Alkhair yang memberi peluang dan kepercayaan kepada penulis untuk berkongsi sedikit ilmu yang dikurniakan Allah bagi menjayakan projek ini.

Usaha kerdil ini bertujuan untuk mengajak kaum muslimin dan muslimat kepada tadabbur ayat-ayat al-Quran yang diturunkan khas untuk umat Muhammad s.a.w.

Ia berpenampilan ringkas untuk mudah memahami intipati yang ingin disampaikan kepada kita. Ia ibarat jambatan untuk meneroka tafsiran lanjut yang boleh didapati dari kitab-kitab tafsir yang ulung. Para pembaca yang ingin mengetahui lebih lanjut akan perincian ayat-ayat yang dibaca, boleh merujuk kepada pelbagai kitab tafsir yang sedia ada.

Metodologi

Bagi memastikan usaha ini berpandukan tafsiran yang betul, penulis telah mengambil beberapa rujukan asas dari kitab-kitab tafsir yang berwibawa seperti, Tafsir Ibn Kathir, Tafsir al-Qurtubi, Aysar al-Tafasir dan yang lain-lain.

Dari sudut terjemahan pula, penulis merujuk kepada beberapa terjemahan secara fizikal dan online. Selanjutnya penulis melakukan olahan yang sesuai untuk memberikan maksud yang lebih mudah difahami menurut konteks bahasa Melayu.

Penulis tidak menghuraikan lebih lanjut ayat-ayat yang jelas dan *straightforward*. Memadai dengan membaca terjemahan untuk memahami maksud ayat. Jika terdapat keperluan untuk menghuraikan lebih lanjut maksud dari sesuatu perkataan atau ayat, ia diletak di bahagian nota kaki secara ringkas.

Usaha ini pasti tidak sempurna. Pasti ada banyak lagi panduan yang boleh dikongsi. Hanya yang diharapkan agar ia dapat menarik perhatian para pembaca untuk

mengetahui lebih lanjut apakah lagi ilmu-ilmu yang terkandung dalam tafsiran ayat-ayat al-Quran yang boleh dijadikan pedoman untuk diamalkan.

Akhir kalam, segala yang baik datang dari Allah, yang lemah dan serba kekurangan datang dari insan yang kerdil lagi hina ini. Semoga apa yang diusahakan mendapat Rahmat dan Redha Allah s.w.t.

Mustazah Bahari

Rabiulawal 1445.

Surah al-Infithar

Pengenalan

Diturunkan di Makkah, mengandungi 19 ayat

Kelebihan surah al-Infithar

1. Dari Ibn Umar r.a, sabda Rasulullah s.a.w, “Barang siapa yang ingin melihat hari kiamat dengan pandangan matanya, hendaklah dia membaca “*Izasy Syamsu Kuwwirat*” (surat At-Takwir), “*izas Sama'un Fatarat*” (surat Al-Infithar) dan “*izas Sama'un Syaqqat*” (surat Al-Insyiqaq). (H.R. al-Turmuzi)
2. Dari Jabir, beliau mengatakan bahawa Mu'az mengimami solat Isyak, dan beliau membaca ayat-ayat yang panjang sehingga membuat para makmum dari kalangan kaumnya merasa beban. Lalu hal itu dibawakan kepada Rasulullah s.a.w dan Baginda bersabda kepadanya: Wahai Mu'az apakah kamu ini seorang yang suka menimbulkan fitnah (menimpakan kesusahan terhadap orang lain)? Lalu bagaimanakah kamu dengan surah *Sabbihisma Rabbikal A'la* (surat al-A'la), surah *al-Dhuha* dan *iza al-Sama'un Fatarat*. (surat al-Infithar)?”¹ (H.R. al-Nasa'i)

¹ Maksudnya surah-surah ini lebih sesuai untuk dibaca dalam solat isyak kerana ia tidak terlalu panjang.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Firman Allah

إِذَا السَّمَاءُ انْفَطَرَتْ (١) وَإِذَا الْكَوَاكِبُ انْتَشَرَتْ (٢) وَإِذَا الْبِحَارُ فُجِّرَتْ (٣) وَإِذَا الْقُبُورُ بُعْثِرَتْ (٤)
عَلِمَتْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ وَأَخَّرَتْ (٥) يَا أَيُّهَا الْإِنْسَانُ مَا عَرَّفَكَ بِرَبِّكَ الْكَرِيمِ (٦) الَّذِي خَلَقَكَ فَسَوَّاكَ
فَعَدَلَكَ (٧) فِي أَيِّ صُورَةٍ مَّا شَاءَ رَكَّبَكَ (٨) كَلَّا بَلْ تُكَذِّبُونَ بِالَّذِينَ (٩) وَإِنَّ عَلَيْكُمْ لَحَافِظِينَ (١٠)
كِرَامًا كَاتِبِينَ (١١) يَعْلَمُونَ مَا تَفْعَلُونَ (١٢)

Apabila langit terbelah. 2. Dan apabila bintang-bintang jatuh berserakan. 3. Dan apabila lautan dijadikan meluap. 4. Dan apabila kubur-kubur dibongkar. 5. Maka tiap-tiap jiwa akan mengetahui apa yang telah dikerjakan dan yang dilalaikannya. 6. Wahai manusia, apakah yang telah memperdayakan kamu (sehingga menderhaka) terhadap Tuhanmu Yang Maha Pemurah.² 7. Yang telah menciptakan kamu, lalu menyempurnakan kejadianmu dan menjadikan (susunan tubuhmu) seimbang. 8. Dalam bentuk apa sahaja yang Dia kehendaki, Dia menyusun tubuhmu. 9. Bukan (hanya derhaka sahaja), bahkan kamu mendustakan hari pembalasan. 10. Padahal sesungguhnya bagi kamu ada (malaikat-malaikat) yang mengawasimu. 11. Yang mulia (di sisi Allah) dan yang mencatat (perbuatan-perbuatan kamu itu). 12. Mereka mengetahui apa (sahaja) yang kamu lakukan.

Tadabbur Ayat

Nikmat-nikmat Allah yang diberi kepada manusia terlalu luas dan tidak terkira banyaknya. Manusia tidak mungkin dapat membalasnya. Justeru amatlah wajar bagi manusia menunjukkan rasa syukur dengan menurut perintah-perintah Allah dengan penuh ketaatan. Apa sahaja yang manusia lakukan akan berbalik kesannya kepada dirinya. Jika dia buat kebaikan maka baiklah balasannya, dan jika dia melakukan kezaliman, maka layaklah dia menerima balasan buruk akibat perbuatannya sendiri.

Aplikasi Ayat

- ❖ **Sentiasa beringat bahawa segala yang kita lakukan dilihat serta diketahui oleh Allah s.w.t.**

² Masih lagi ada manusia yang bersifat inkar terhadap perintah Allah sedangkan begitu banyak nikmat dan rahmat yang Allah telah dikurniakan kepada mereka.

- ❖ **Ingatlah bahawa para malaikat yang ditugaskan mencatat perbuatan manusia tidak akan terlepas dan tersilap dalam catitannya. Justeru berwaspadalah kita terhadap segala perbuatan dan percakapan kita kerana itu semua tercatat dalam kitab amalan kita.**

Firman Allah

إِنَّ الْأَبْرَارَ لَفِي نَعِيمٍ (١٣) وَإِنَّ الْفُجَّارَ لَفِي جَحِيمٍ (١٤) يَصَلُّوْنَهَا يَوْمَ الدِّينِ (١٥) وَمَا هُمْ عَنْهَا بِغَائِبِينَ (١٦) وَمَا أَدْرَاكَ مَا يَوْمَ الدِّينِ (١٧) ثُمَّ مَا أَدْرَاكَ مَا يَوْمَ الدِّينِ (١٨) لَا تَمْلِكُ نَفْسٌ لِنَفْسٍ شَيْئاً وَالْأَمْرُ يَوْمَئِذٍ لِلَّهِ (١٩)

13. Sesungguhnya orang-orang yang banyak berbakti³ benar-benar berada dalam syurga yang penuh kenikmatan. 14. Dan sesungguhnya orang-orang yang derhaka benar-benar berada dalam neraka. 15. Mereka masuk ke dalamnya pada hari pembalasan. 16. Dan mereka sekali-kali tidak dapat keluar dari neraka itu. 17. Tahukah kamu apakah hari pembalasan itu? 18. Sekali lagi, tahukah kamu apakah hari pembalasan itu? 19. Pada hari itu seseorang tidak mempunyai kuasa sedikit pun untuk menolong orang lain, dan segala urusan pada hari itu dalam kekuasaan Allah.

Tadabbur Ayat

Keadilan Allah s.w.t dalam penciptaan-Nya yang boleh diakui sendiri oleh manusia yang berakal. Bagi orang yang melakukan kebaikan, sudah pasti dia mendapat balasan yang baik, begitu juga sebaliknya. Segala kebaikan yang diharapkan menjadi penyebab keselamatan manusia di akhirat perlu lah dilakukan di dunia ini kerana tiada lagi peluang diberi untuk berusaha meminta keselamatan di akhirat kelak. Tiada siapa yang dapat diselamatkan dari azab Allah jika dia berhak menerimanya. Tiada siapa dapat membantu melepaskan diri dari seseorang dari azab Allah jika dia sendiri tidak mempunyai amalan untuk dibawa ke akhirat. Setiap insan perlu bertanggungjawab dengan dirinya sendiri untuk selamat dan berjaya di akhirat kelak.

Aplikasi Ayat

- ❖ **Jangan berlengah dari melakukan kebaikan.**

³ Yang terus melakukan kebaikan kepada semua dalam pengabdian diri kepada Allah.

- ❖ **Jangan terlalai dengan keindahan dunia sehingga lupa mempersiapkan bekal untuk hari akhirat.**

والله أعلم

Terima Kasih

HARAP ARTIKEL INI DAPAT MEMBERI
MANFAAT KEPADA ANDA

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا، وَرِزْقًا طَيِّبًا، وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا

Ya Allah, aku memohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat,
rezeki yang halal dan baik, serta amal yang diterima.



**TERIMA KASIH
KERANA
MENYUMBANG
KEPADA PROJEK
TAFSIR 30 JUZ INI.**

Sokongan anda amat dihargai

Follow us on:  darultafsir.ak

DARUL TAFSIR AL-KHAIR